



# LEMBARAN 2020

meremajakan sektor  
pertanian



[www.mafi.gov.my](http://www.mafi.gov.my)



agroyouthmafi

# Sekalung Penghargaan

Unit Agropreneur Muda (UAM) merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada semua pegawai dan kakitangan Kementerian Pertanian dan Industri Makanan, Jabatan dan Agensi di bawahnya di atas usaha gigih dan kerjasama yang diberikan di dalam menjayakan program-program Agropreneur Muda Tahun 2020

Ucapan terima kasih kepada semua pihak yang telah memberi sumbangan tenaga dan idea sama ada secara langsung atau tidak langsung dalam menyiapkan penerbitan buku Lembaran 2020.



KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN

Aras 1, Wisma Tani,  
No. 28, Persiaran Perdana,  
Presint 4, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,  
62624 Putrajaya, Malaysia.

[www.mafi.gov.my](http://www.mafi.gov.my)



agroyouthmafi

# KANDUNGAN

## MUKASURAT

PRAKATA

2

PERUTUSAN KETUA SETIAUSAHA

3

KATA ALU-ALUAN PENGARAH

4

SEJARAH PENUBUHAN UAM

5

DATA PENCAPAIAN TAHUN 2020

7

PROGRAM DAN AKTIVITI MEDIA SOSIAL

8

KERATAN AKHBAR

9-26

## SIDANG REDAKSI

### **Penaung**

YBhg. Dato' Haslina binti Abdul Hamid  
Ketua Setiausaha, MAFI

### **Pengerusi**

Encik Mohammad Ezri bin Shamsuddin  
Pengarah Unit Agropreneur Muda

### **Ketua Editor**

Encik Khairul Fahmi bin Bahrin  
Penolong Pengarah Kanan

### **Penolong Editor**

Encik Mohamad Faris Adli bin Mahadi  
Penolong Pengarah

### **Penolong Editor**

Encik Rizal Hafizi bin Jamaludin  
Penolong Pengarah

### **Anggota Redaksi**

Puan Nurfatim Syahida binti Muhammad  
Penolong Pengarah

### **Anggota Redaksi**

Cik Wan Habshah binti Wan Omar  
Penolong Pengarah

### **Anggota Redaksi**

Encik Ahmad Faiz bin Ahmad Fuad  
Penolong Pengarah

### **Anggota Redaksi**

Cik Nur Shahila Nazira binti Sharin  
Pembantu Tadbir



# prakata

## lembaran 2020 agropreneur muda

Setinggi-tinggi syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan izin-Nya, Buku Lembaran 2020 Program Agropreneur Muda berjaya diterbitkan. Buku ini diterbitkan untuk menzahirkan komitmen serta kesungguhan warga Unit Agropreneur Muda (UAM) Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) dalam membantu dan membangunkan usahawan agropreneur muda di seluruh negara. Pelbagai kisah kejayaan dan peristiwa penting dikumpulkan melalui keratan-keratan akhbar untuk dimanfaatkan oleh para pembaca.


Untuk makluman para pembaca, Buku Lembaran 2020 ini menghimpunkan keratan-keratan akhbar meliputi pencapaian Program Agropreneur Muda sepanjang tahun 2020, memaparkan berita-berita dan maklumat penting berhubung Program Agropreneur Muda. Buku ini mempunyai naratif mengenai perubahan-perubahan positif melalui pelaksanaan program ini. Sebagai contoh, penceritaan kisah-kisah kejayaan peserta program, peningkatan hasil produk dan pendapatan serta pemodenan sektor agromakanan melalui penyertaan anak-anak muda.

Selain itu, penerbitan buku ini dapat membantu masyarakat di luar sana untuk mendapatkan maklumat melalui sumber rujukan yang tepat dan tidak menggunakan mana-mana maklumat palsu dan tidak sah. Diharapkan agar buku Lembaran 2020 dapat memberikan sumber maklumat dan pendedahan yang jelas kepada masyarakat khususnya golongan muda untuk menceburi sektor agromakanan. Usaha ini akan berterusan dengan penambahbaikan-penambahbaikan yang akan dilaksanakan dari semasa ke semasa. Akhir kata, semoga buku Lembaran 2020 ini dapat dimanfaatkan dengan sebaik-baiknya oleh semua pembaca.

Sekian, terima kasih.

**Unit Agropreneur Muda**

*Kementerian Pertanian Dan Industri Makanan*



# perutusan

## **YBHG. DATO' HASLINA BINTI ABDUL HAMID**

**KETUA SETIAUSAHA**

KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN

### **lembaran 2020 agropreneur muda**

Assalamualaikum wbt dan Salam Sejahtera,

Pelbagai peristiwa besar berlaku sepanjang tahun 2020 yang mencorak perubahan kepada negara dan juga dunia. Jika ditelusuri, sudah tentu penularan wabak COVID-19 telah memberi kesan yang besar menyebabkan pelbagai perkara dilalui oleh kita secara pertama kali. Bagi mengekang penularan wabak COVID-19, Kerajaan telah mengambil langkah mewartakan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) berikutan berlakunya penularan jangkitan dalam negara. Ini telah memberikan kesan besar kepada ekonomi negara terutama usahawan-usahawan mikro dalam industri agromakanan.

Menyedari hakikat ini, Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) berusaha memastikan sektor pertanian dan agromakanan diiktiraf sebagai perkhidmatan utama (Essential Service) dalam tempoh PKP. Justeru, kerajaan telah memberikan kebenaran khas kepada sektor ini untuk beroperasi dalam tempoh PKP. Ini merupakan satu pengiktirafan kepada petani, penternak, nelayan dan usahawan agromakanan bagi memastikan sekuriti makanan dalam negara adalah terjamin.

Dalam perkara ini, para agropreneur muda juga tidak terkecuali menghadapi kesan perubahan global ini. Melalui maklum balas yang diterima, kesan terbesar pelaksanaan awal PKP kepada mereka adalah jumlah jualan yang menurun disebabkan pergerakan logistik yang terhad, waktu operasi yang terbatas dan kekurangan pelanggan. Namun, mereka cekal menghadapi perkara ini dan mencari penyelesaian yang kreatif melalui jualan secara atas talian iaitu melalui media sosial dan platform e-dagang.

Malah, MAFI melalui Unit Agropreneur Muda (UAM) turut membantu agropreneur muda ini melalui pelbagai program untuk meningkatkan promosi dan jualan mereka. Antara program yang dilaksanakan adalah melalui Jelajah Agropreneur Muda (JAM) dan Lawatan Kerja Agropreneur Muda di seluruh negara, Facebook live streaming, kursus-kursus secara webinar serta Kit Bantuan Agropreneur Muda.

Bagi tahun 2020, sejumlah 18 Jelajah Agropreneur Muda dan Lawatan Kerja Agropreneur Muda telah diadakan di seluruh negara melibatkan Menteri, Timbalan-Timbalan Menteri dan Pengurusan Tertinggi MAFI. Manakala, 28 siri Facebook live streaming telah diadakan sepanjang tahun 2020 yang berjaya mencatatkan jumlah 130,000 views. Di samping itu, kursus secara webinar pula telah diadakan dengan kerjasama universiti awam dan swasta seperti Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Multimedia University (MMU) dan Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA).

Tahun 2020 juga menyaksikan kejayaan MAFI meningkatkan jumlah penerima Geran Agropreneur Muda (GAM) iaitu sebanyak 1,149 orang penerima bernilai RM21.7 juta berbanding 750 orang penerima pada tahun 2019 dan 758 orang penerima pada tahun 2018. Ini selaras dengan hasrat MAFI untuk membantu lebih ramai golongan muda menceburi bidang pertanian, terutama dalam tempoh pandemik COVID-19 ini.

Akhir kata, saya berharap dengan penerbitan buku ini dapat menjadi satu rujukan kepada semua pihak terutama para agropreneur muda di seluruh negara. Saya ingin merakamkan ucapan tahniah dan terima kasih kepada Unit Agropreneur Muda kerana berjaya menerbitkan buku ini. Semoga usaha murni ini diteruskan di masa akan datang.

**Sekian, terima kasih.**

# kata alu-aluan

## ENCIK MOHAMMAD EZRI BIN SHAMSUDDIN

Pengarah

Unit Agropreneur Muda

### lembaran 2020 agropreneur muda

Assalamualaikum wbt dan Salam Sejahtera,

Unit Agropreneur Muda (UAM) ingin merakam ucapan terima kasih dan penghargaan kepada semua pihak yang terlibat dalam penerbitan buku ini. Buku ini bertujuan untuk merakamkan usaha yang telah dilaksanakan oleh Unit Agropreneur Muda, Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) dengan kerjasama semua Jabatan dan Agensi di bawah Kementerian sepanjang tahun 2020. Buku ini juga akan menjadi panduan dan rujukan kepada semua pihak terutama para agropreneur muda di seluruh negara.

Sepanjang tahun 2020, UAM merancang pelbagai program promosi, galakan pasaran dalam dan luar negara, kursus serta pemantauan projek. Namun, perancangan ini perlu diselaraskan semula apabila kerajaan mengumumkan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) bermula pada 18 Mac 2020. Terkesan dengan perkara ini, UAM mengambil langkah realignment mengikut kesesuaian norma baharu yang telah ditetapkan oleh Kerajaan.

Oleh itu, program-program yang dijalankan pada tahun 2020 adalah melalui norma baharu seperti penjarakan fizikal, platform atas talian dan digital. Penggunaan media sosial digunakan sepenuhnya oleh UAM terutamanya Facebook dan Youtube. Jumlah pengikut Facebook Program Agropreneur Muda telah meningkat kepada 42,900 pengikut pada Disember 2020 berbanding 24,540 pengikut pada Disember 2019. Manakala, jumlah langganan Youtube Agroyouth MAFI berjumlah 1,410 langganan dengan 346,101 views pada tahun 2020.

UAM juga telah melaksanakan penambahbaikan kepada permohonan Geran Agropreneur Muda (GAM) dengan membuka permohonan ini sepanjang tahun. Selain itu, disentralisasi penilaian teknikal juga dilaksanakan apabila Jabatan dan Agensi juga diberikan tanggungjawab untuk melaksanakan Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal GAM bagi agropreneur muda di bawah bimbingan mereka. Hasilnya, jumlah kelulusan Geran Agropreneur Muda pada tahun 2020 meningkat daripada 1,149 kelulusan berbanding 2019 (750 kelulusan) dan 2018 (758 kelulusan).

Program pemantauan dan turun padang juga telah dijenamakan sebagai Jelajah Agropreneur Muda (JAM). Program ini mendekatkan golongan muda dengan Menteri, Timbalan-Timbalan Menteri dan Pengurusan Tertinggi MAFI. Kejayaan pelaksanaan program-program ini direkodkan dalam buku ini sebagai tanda usaha berterusan MAFI menggalakkan penglibatan golongan muda dalam bidang pertanian dan agromakanan.

Sehubungan itu, pihak UAM juga turut merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada pihak Menteri, Timbalan Menteri I dan Timbalan Menteri II di atas kesudian menyertai dan menyokong program JAM. Jutaan terima kasih kepada Pengurusan Tertinggi MAFI terutama KSU yang sentiasa komited dan menjadi tulang belakang kepada Program Agropreneur Muda. Penghargaan juga kepada semua Jabatan dan Agensi di bawah MAFI yang sentiasa memberikan kerjasama yang erat kepada UAM sepanjang tahun 2020.

Sekian dan salam hormat.

# SEJARAH PENUBUHAN UAM

## TAHUN 2013

### (Cadangan Penubuhan UAM)

- Mesyuarat Pasca Kabinet Bilangan 20 tahun 2013, YB Menteri bersetuju supaya ditubuhkan satu unit khas iaitu Unit Agropreneur Muda di bawah Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (MOA).
- Cadangan penubuhan UAM juga aspirasi dan wawasan YB Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani (YBM) ketika itu iaitu YB Dato' Sri Ismail Sabri Bin Yaakob.

### (Penjawatan Asal UAM)

- Mesyuarat Pasca Kabinet Bilangan 21 tahun 2013, MOA bersetuju dengan kertas konsep penubuhan UAM dan bersetuju dengan cadangan penjawatan sedia ada seramai 8 orang pegawai daripada Jabatan & Agensi yang ditempatkan secara pentadbiran serta tidak melibatkan pertambahan jawatan baru pada bulan September 2013.

### (Penubuhan MPAM)

- YBM telah menyarankan agar diwujudkan Majlis Perundingan Agropreneur Muda (MPAM) Dan Jawatankuasa Task Force mengikut sub sektor utama.
- MPAM siri pertama telah diadakan pada 10 Oktober 2013.

2013  
**SEJARAH  
PENUBUHAN  
UAM**

# SEJARAH PENUBUHAN UAM

TAHUN 2014

(Gabungan UAM & NBOS)

- Susulan keputusan Bengkel Retreat KPI Pengurusan Tertinggi Kementerian Pertanian & Industri Asas Tani di Port Dickson pada 25 Januari hingga 27 Januari 2014, YBM telah memutuskan UAM dan NBOS digabungkan.

(Terima Peruntukan RMK-11)

- UAM kemudiannya diletakkan di bawah Bahagian Pembangunan Industri Ekonomi Bumiputera (PIEB) pada tahun 2015 hingga 2017.
- UAM juga telah memohon peruntukan di bawah Rancangan Malaysia Ke-11 (RMK-11) pada tahun 2015 dan telah diluluskan oleh Unit Perancang Ekonomi (EPU).
- Perkara ini telah diumumkan oleh YAB PM di dalam Ucapan Bajet 2016 [di bawah tajuk Memodenkan Sektor Pertanian, Perkara 94-(keempat)].

TAHUN 2015

TAHUN 2017

- Februari 2017 UAM telah menjadi satu unit khas yang diletakkan di bawah tanggung jawab Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar) dan Ketua Setiausaha Kementerian.

TAHUN  
20



# DATA PENCAPAIAN TAHUN 2020

kelulusan di bawah program agropreneur muda,  
mafi dari 1 Januari 2020 hingga 31 Disember 2020

GERAN AGROPRENEUR MUDA										
NEGERI	TANAMAN		PERIKANAN		TERNAKAN		Industri Makanan		BIL	JUMLAH (RM)
	BIL	JUMLAH (RM)	BIL	JUMLAH (RM)	BIL	JUMLAH (RM)	BIL	JUMLAH (RM)		
JOHOR	48	937,000.00	0	-	8	160,000.00	25	450,440.00	81	RM 1,547,440.00
SELANGOR	37	718,150.00	17	304,329.00	22	420,000.00	52	943,932.00	128	RM 2,386,411.00
PERLIS	21	408,000.00	2	40,000.00	14	265,000.00	21	378,600.00	58	RM 1,091,600.00
PAHANG	53	1,013,080.00	8	146,000.00	23	455,000.00	26	434,920.00	110	RM 2,049,000.00
KEDAH	34	667,000.00	11	217,720.00	30	600,000.00	58	1,095,866.00	133	RM 2,580,586.00
KELANTAN	55	1,065,000.00	18	241,168.00	25	500,000.00	38	694,960.00	136	RM 2,501,128.00
MELAKA	33	627,412.00	11	219,700.00	3	60,000.00	13	243,000.00	60	RM 1,150,112.00
N.SEMBILAN	25	495,750.00	6	120,000.00	4	72,500.00	27	495,000.00	62	RM 1,183,250.00
PERAK	22	435,000.00	7	140,000.00	31	606,600.00	28	526,075.00	88	RM 1,707,675.00
TERENGGANU	21	398,000.00	4	74,800.00	13	260,000.00	22	401,370.00	60	RM 1,134,170.00
P. PINANG	18	341,000.00	0	-	5	100,000.00	28	523,400.00	51	RM 964,400.00
W. PERSEKUTUAN	4	72,440.00	3	54,900.00	1	20,000.00	11	192,480.00	19	RM 339,820.00
SABAH	27	502,800.00	3	55,000.00	17	340,000.00	39	753,480.00	86	RM 1,651,280.00
SARAWAK	33	624,396.00	12	240,000.00	6	120,000.00	26	457,560.00	77	RM 1,441,956.00
<b>JUMLAH</b>	<b>431</b>	<b>8,305,028.00</b>	<b>102</b>	<b>1,853,617.00</b>	<b>202</b>	<b>3,989,100.00</b>	<b>414</b>	<b>7,591,083.00</b>	<b>1,149</b>	<b>RM 21,728,828.00</b>

SKIM PEMBIAYAAN										
AGROBANK	1	150,000.00	3	476,000.00	4	481,000.00	2	163,000.00	10	RM 1,270,000.00
TEKUN NASIONAL										
<b>JUMLAH</b>	<b>1</b>	<b>150,000</b>	<b>3</b>	<b>476,000</b>	<b>4</b>	<b>481,000</b>	<b>2</b>	<b>163,000</b>	<b>10</b>	<b>RM 1,270,000.00</b>

<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>	<b>432</b>	<b>8,455,028</b>	<b>105</b>	<b>2,329,617</b>	<b>206</b>	<b>4,470,100</b>	<b>416</b>	<b>7,754,083</b>	<b>1,159</b>	<b>RM 22,998,828.00</b>
---------------------------	------------	------------------	------------	------------------	------------	------------------	------------	------------------	--------------	-------------------------

DATA  
PENCAPAIAN  
TAHUN 2020

# PROGRAM DAN AKTIVITI MEDIA SOSIAL

PROGRAM



september 2020



oktober 2020



november 2020



disember 2020

MEDIA  
SOSIAL

KERATAN  
**KERATAN  
AKHBAR**

BERITA TAHUN 2020 (AGROPRENEUR MUDA)




## Apply for Young Agropreneur Grant Program

KOTA KINABALU: Sabah Agriculture and Food Industry Minister Datuk Junz Wong called upon young agropreneurs to come forward and become part of the Young Agropreneur Grant Program.

He encouraged Sabahans to actively respond to government program, which aims to assist agriculture players in the state.

“Do not hesitate to approach MAFI (Ministry of Agriculture and Food Industry) to get help. We are more than willing to assist agricultural players to achieve their goals,” he stressed to the young agropreneurs in Sabah through a press statement here yesterday.

The Young Agropreneur Grant Program 2019 is a grant under the Ministry of Agriculture and Agro-based Industry.



**Sumber Media** : BORNEO POST ONLINE  
**Tarikh** : 6 / 1 / 2020  
**Capaian** : <https://www.theborneopost.com/2019/01/06/apply-for-young-agropreneur-grant-program-junz/>

## Anak muda digalak ceburi pertanian



BAYAN LEPAS - Orang ramai terutama golongan muda yang masih mencari pekerjaan disarankan menceburi bidang pertanian kerana ia mampu memberikan pendapatan yang tinggi.

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani (MOA), Sim Tze Tzin berkata, kementerian sentiasa membuka ruang dan peluang kepada orang ramai untuk terlibat dalam bidang pertanian.

Menurutnya, permintaan produk pertanian dari Malaysia oleh negara luar amat tinggi dan ia adalah peluang kepada rakyat terutama agropreneur muda untuk menceburkan diri dalam sektor pertanian.

**Sumber Media** : SINAR HARIAN  
**Tarikh** : 20 / 1 / 2020  
**Capaian** : <https://www.sinarharian.com.my/article/66690/BERITA/Nasional/Anak-muda-digalak-ceburi-pertanian>

## Pesakit kanser bangkit jadi pengusaha nanas berjaya

KLUANG - Penyakit kanser yang dihidapinya kira-kira empat tahun lalu tidak melemahkan semangat Mohd Firdaus Ahmad, 36, dari Kampung Sahari, Simpang Renggam untuk menceburi bidang pertanian apabila dia kini menjadi pengusaha nanas yang berjaya.

Mohd Firdaus berkata, semua itu bermula selepas dia melakukan pembedahan membuang kanser tersebut sebaik penyakitnya dikesan yang mengambil masa hampir 20 jam di Pusat Perubatan Universiti Malaya (PPUM) pada November 2018 lalu.

"Semasa berehat beberapa bulan di rumah, saya mula merancang kehidupan. Syukur kerana rezeki menyebelahi saya apabila menerima Geran Agropreneur Muda 2020 Fasa 3 berjumlah RM20,000 di bawah Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani untuk golongan belia bawah 40 tahun.



**Sumber Media** : SINAR HARIAN  
**Tarikh** : 4 / 2 / 2020  
**Capaian** : <https://www.sinarharian.com.my/article/122208/EDISI/Pesakit-kanser-bangkit-jadi-pengusaha-nanas-berjaya>

## Jom jadi agropreneur !



MENYEDARI minat mendalam penyanyi, Haqiem Rusli ke arah bidang pertanian, Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) melantik penyanyi lagu Lembah Kesepian itu sebagai Ikon Selebriti Jelajah Agropreneur Muda (JAM) 2020.

Melihat pembabitan golongan muda mampu memberi impak positif, JAM 2020 mahu mendekati lebih ramai golongan muda terutama yang berusia 18 hingga 40 tahun menyertai aktiviti melalui pendekatan turun padang yang lebih santai.

Haqiem yang dilantik Ikon Selebriti JAM 2020 mengaku berminat dalam bidang pertanian.

**Sumber Media** : MYMETRO  
**Tarikh** : 14 / 3 / 2020  
**Capaian** : <https://www.hmetro.com.my/rap/2020/03/554344/jom-jadi-agropreneur>

## Sasaran 1,200 agropreneur muda

SEBERANG PERAI - Kementerian Pertanian dan Industri Makanan menyasarkan seramai 1,200 usahawan menyertai Program Agropreneur Muda pada tahun ini bagi tujuan latihan dan bantuan.

Timbalan Ketua Setiausaha Dasar, Datuk Haslina Abdul Hamid berkata, setiap usahawan yang menyertai program tersebut akan diberi bantuan berbentuk geran iaitu barangan untuk membantu meningkatkan pengeluaran hasil dan pendapatan agropreneur.

Menurutnya, program tersebut melibatkan bidang tanaman, ternakan, perikanan, industri asas tani, agropelancongan dan pemasaran yang boleh diceburi usahawan berusia antara 18 hingga 40 tahun.



**Sumber Media** : SINAR HARIAN  
**Tarikh** : 16 / 3 / 2020  
**Capaian** : <https://www.sinarharian.com.my/article/73977/EDISI/Utara/Sasaran-1200-agropreneur-muda>

## Galak usahawan muda ceburi bidang pertanian



SUNGAI PETANI - Menyedari bahawa sektor pertanian memberi pulangan yang memberangsangkan, seorang siswazah lulusan penerbangan menjadikan pertanian sebagai sumber pendapatan.

Pengasas Famox Plantation (M) Sdn Bhd, Ramana K Naidu, 30, yang merupakan usahawan agropreneur muda berkata, beliau turut menggalakkan usahawan muda menceburi bidang pertanian. Menurutnya, antara bidang pertanian yang memberi pulangan memberangsangkan ialah projek mentor mentee melibatkan penanaman jagung bijirin.

**Sumber Media** : SINAR HARIAN  
**Tarikh** : 16 / 3 / 2020  
**Capaian** : <https://www.sinarharian.com.my/article/73980/EDISI/Utara/Galak-usahawan-muda-ceburi-bidang-pertanian>

## Usahawan jana pendapatan berganda

KANGAR - Bantuan perniagaan disalurkan Kementerian Pertanian dan Industri Makanan melalui agensi di bawahnya berjaya meningkatkan pendapatan usahawan terutamanya golongan agropreneur muda.

Seorang usahawan bakeri, Nor Hidayah Radzli, 35, mengakui pendapatannya kini meningkat sehingga tiga kali ganda sebulan dengan hanya bermula sebagai pengusaha kek dari rumah pada 2008.

Menurutnya, perjalanan hidup bergelut seorang usahawan muda bermula selepas dia mengalami kemalangan pada 2007 di Langkawi yang menyebabkan kaki kanannya gagal berfungsi dengan baik sehingga hari ini.



**Sumber Media** : SINAR HARIAN  
**Tarikh** : 16 / 3 / 2020  
**Capaian** : <https://www.sinarharian.com.my/article/73985/EDISI/Utara/Usahawan-jana-pendapatan-berganda>

## Govt grants lifeline to young agropreneurs



KUALA MUDA Ramana K. Naidu has never looked back since he gave up his high-paying job as a commercial airline pilot last year to pursue an agricultural venture.

Why should he have any regrets when he is now raking in a handsome seven-digit income from his animal feed production business.

Agriculture and Food Industries' (MAFI) Young Agropreneur Programme that was implemented in 2016 for youths aged between 18 and 40 under the 11th Malaysia Plan.

With the help of the ministry, which offered him machinery and guidance, Ramana — who is the founder and MD of Famox Plantation (M) Sdn Bhd based in Merbok, Kedah — ventured into maize cultivation after he was convinced of the agriculture sector's lucrative returns.

**Sumber Media** : MALAYSIAN RESERVE  
**Tarikh** : 23 / 4 / 2020  
**Capaian** : <https://themalaysianreserve.com/2020/04/23/govt-grants-lifeline-to-young-agropreneurs/>

## Golongan muda dalam bidang pertanian minat keusahawanan

PUTRAJAYA - Kajian yang dijalankan Khazanah Research Institute (KRI) dalam KRI Discussion Paper mendapati golongan muda yang terlibat dalam bidang pertanian di Malaysia lebih berminat ke arah keusahawanan.

Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Seri Dr Ronald Kiandee berkata, kajian yang diterbitkan pada 27 April 2020 itu menunjukkan anak muda bukan sahaja menjadi peladang, penternak dan nelayan, tetapi turut memasarkan dan menjual produk pertanian sendiri," katanya.

"Menyedari perkara ini, kementerian melalui Program Agropreneur Muda (PAM) menyediakan bantuan geran dalam bentuk barangan bernilai sehingga RM20,000, dan Pembiayaan Khas Agropreneur Muda iaitu pinjaman sehingga RM200,000 melalui Agrobank dan TEKUN.



**Sumber Media** : SINAR HARIAN  
**Tarikh** : 13 / 5 / 2020  
**Capaian** : <https://www.sinarharian.com.my/article/83419/BERITA/Nasional/Golongan-muda-dalam-bidang-pertanian-minat-keusahawanan>

## Tambah baik sistem pengairan



PEKAN - Dua usahawan tani muda di sini menaruh harapan untuk menaik taraf dan mengembangkan lagi bidang pertanian yang diusahakan melalui program Agropreneur Muda.

Khairul Rauf Zaimi, 22, dari Kampung Mempelas berkata, beliau kini mengusahakan kebun sayur dengan tanaman terung dan bendi di atas tanah seluas 0.8 hektar di kampungnya.

Menurutnya, beliau merancang untuk meluaskan lagi kebun sayur tersebut di atas tanah seluas 0.8 hektar lagi untuk meningkatkan pengeluaran hasil tanaman.

**Sumber Media** : SINAR HARIAN  
**Tarikh** : 6 / 6 / 2020  
**Capaian** : <https://www.sinarharian.com.my/article/86513/EDISI/Pahang/Tambah-baik-sistem-pengairan>



## Dulu peniaga air balang, kini pengusaha 'Madiana Aiskrim Perlis'



ARAU - Berbekalkan impian ingin maju dalam perniagaan dan membantu orang ramai khususnya suri rumah menambah punca pendapatan keluarga, sepasang suami isteri memasarkan aiskrim 'Madiana Aiskrim Perlis' di sekitar Perlis, Kedah dan Pulau Pinang.

Nur Syazana Rani,40, dibantu suaminya, Mohd Asmadi Saad,48, mula mendapat ilham memulakan perniagaan itu selepas mengikuti bengkel sehari membuat aiskrim di Alor Setar, Kedah pada tahun 2015.

Antara bantuan yang pernah diterima beliau dalam mengembangkan perusahaan aiskrim ialah Geran Agropreneur Muda Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) sebanyak RM15,000, Geran Aktiviti Ekonomi Tambahan (AET) dan geran Pembungkusan Pelebelan masing-masing sebanyak RM20,000 dan RM3,000 daripada Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah (RISDA)," katanya.

Sumber Media : SINAR HARIAN  
Tarikh : 9 / 6 / 2020  
Capaian : <https://www.sinarharian.com.my/article/86895/EDISI/Utara/Dulu-peniaga-air-balang-kini-pengusaha-Madiana-Aiskrim-Perlis>

## Permohonan Geran Agropreneur Muda dibuka sepanjang tahun



PERMOHONAN Geran Agropreneur Muda kini dibuka sepanjang tahun bagi menggalakkan lebih ramai golongan muda untuk terus membangunkan industri makanan negara, kata Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani Datuk Seri Dr Ronald Kiandee, hari ini.

Beliau berkata, permohonan geran itu juga tidak sebelum ini yang dibuka hanya pada Januari, Mei dan September sahaja.

"Namun, bagi urusan kelulusan, ianya masih tertakluk kepada peraturan dan penjadualan sedia ada," katanya kepada pemberita selepas Majlis Penyampaian Geran Agropreneur Muda Sabah di Beluran.

Sumber Media : MY METRO  
Tarikh : 13 / 6 / 2020  
Capaian : <https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2020/06/589325/permohonan-geran-agropreneur-muda-dibuka-sepanjang-tahun>

## Permohonan Geran Agropreneur Muda GAM dilanjutkan

BELURAN - Kementerian Pertanian dan Industri Makanan melanjutkan tempoh masa permohonan Geran Agropreneur Muda (GAM) dan permohonan geran itu dibuka sepanjang tahun bermula Jun ini tanpa sebarang tarikh tutup.

Menterinya, Datuk Seri Dr Ronald Kiandee berkata, program terbabit diwujudkan kementerianya bagi melahirkan lebih ramai usahawan berkaitan pertanian dalam negara.

Menurutnya, geran itu juga untuk melahirkan usahawan dalam bidang ternakan, perkebunan, tanaman, pengimportan, dan juga pelbagai aspek lagi dalam industri pertanian.



**Sumber Media** : ASTRO AWANI  
**Tarikh** : 13 / 6 / 2020  
**Capaian** : <https://www.astroawani.com/berita-bisnes/permohonan-geran-agropreneur-muda-gam-dilanjutkan-247003>

## Ministry urges graduates to join Young Agropreneur Programme



TUMPAT, June 15 — Graduates have been urged to participate in the 'Agropreneur Muda' (Young Agropreneur) programme to help rejuvenate the sector while reducing the unemployment rate at the same time, said Deputy Agriculture and Food Industry Minister II Datuk Che Abdullah Mat Nawi.

He said the Agriculture and Food Industry Ministry had cooperated with the Higher Education Ministry to attract more graduates to participate in agricultural-related activities.

**Sumber Media** : MALAY MAIL  
**Tarikh** : 15 / 6 / 2020  
**Capaian** : <https://www.malaymail.com/news/malaysia/2020/06/15/ministry-urges-graduates-to-join-young-agropreneur-programme/1875665>

## IOT dalam tanaman fertigasi beri banyak kelebihan

KUALA LANGAT - Golongan agropreneur muda disaran mengaplikasikan Internet of Things (IoT) dalam tanaman fertigasi mereka yang berupaya menghasilkan pelbagai manfaat dalam banyak aspek.

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan I, Datuk Seri Ahmad Hamzah berkata, menerusi penggunaan IoT, golongan agropreneur muda boleh menggunakan konsep 'smart farming' atau pertanian pintar dalam tanaman fertigasi melibatkan aspek penjagaan, siraman air, membaja, meracun dan sebagainya

Beliau berkata, Perbadanan Ekonomi Digital Malaysia (MDEC) juga giat membangunkan sistem serta aplikasi yang dapat digunakan dalam tanaman fertigasi tersebut.



**Sumber Media** : SINAR HARIAN  
**Tarikh** : 18 / 6 / 2020  
**Capaian** : <https://www.sinarharian.com.my/article/88411/BERITA/Nasional/IoT-dalam-tanaman-fertigasi-beri-banyak-kelebihan>

## Galak anak muda sertai PAM



MELAKA - Kementerian Pertanian dan Industri Makanan mempergiatkan usaha untuk mencari lebih ramai golongan muda menyertai Program Agropreneur Muda (PAM) di seluruh negara pada tahun ini.

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan I, Datuk Seri Ahmad Hamzah berkata, penglibatan mereka yang berusia 18 hingga 40 tahun itu dapat memastikan industri makanan negara terus membangun dan mampu menjana pendapatan terutama ketika negara berdepan pandemik koronavirus (Covid-19).

Menurutnya, langkah itu juga sekali gus mampu mencapai sasaran 1,200 usahawan muda menyertai dan menerima Geran Agropreneur Muda (GAM) pada tahun ini menerusi peruntukan sebanyak RM20 juta.

**Sumber Media** : SINAR HARIAN  
**Tarikh** : 29 / 6 / 2020  
**Capaian** : <https://www.sinarharian.com.my/article/89932/BERITA/Nasional/Galak-anak-muda-sertai-PAMn>

## Industri nanas terus diperkasa

JOHOR BAHRU - Industri pengeluaran nanas negara terus diperkasa menerusi usaha menarik lebih ramai agropreneur muda terlibat dalam penanaman nanas yang kini dikategorikan sebagai sumber kekayaan baharu negara.

Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Seri Dr Ronald Kiandee berkata, Lembaga Perindustrian Nanas Malaysia (LPNM) memainkan peranan dalam melaksanakan program tanaman melibatkan golongan muda yang juga pemangkin kepada sektor pertanian negara.

Menurutnya, antara program LPNM yang berjaya menarik minat golongan muda ialah Projek Kluster Nanas Lestari (KNAL) yang dibangunkan di Tanah Abang Mersing, Stesen Nanas Alor Bukit Pontian dan Stesen Nanas Sungai Tong Terengganu.



Sumber Media : SINAR HARIAN

Tarikh : 4 / 7 / 2020

Capaian : <https://www.sinarharian.com.my/article/90663/BERITA/Nasional/Industri-nanas-terus-diperkasa>

## 6,005 terima Geran Agropreneur Muda



JOHOR BAHRU - Seramai 6,005 orang agropreneur muda di seluruh Malaysia menerima Geran Agropreneur Muda (GAM) di bawah Rancangan Malaysia Kesebelas (RMK11) sejak tahun 2016 sehingga Mei lalu berjumlah RM104.34 juta.

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan II, Datuk Che Abdullah Mat Nawi berkata, geran itu bertujuan membantu penglibatan golongan muda dalam sektor agromakanan merangkumi bidang tanaman, perikanan, ternakan dan industri makanan.

Sumber Media : SINAR HARIAN

Tarikh : 12 / 7 / 2020

Capaian : <https://www.sinarharian.com.my/article/91803/BERITA/Nasional/6005-terima-Geran-Agropreneur-Muda>

## Jaguh ayam kampung organik

TUMPAT - Pada usia 26 tahun, Mohamad Firdaus Hashim tidak kekok membersihkan najis di reban yang menempatkan 2,400 ayam. Bukan itu saja, dia juga perlu pastikan ternakannya sentiasa sihat dan makanan mencukupi.

Menurutnya, sebelum mula terbabit dengan bidang ternakan dia menyertai kursus penternakan ayam di Jabatan Perkhidmatan Veterinar Melaka dengan bantuan Pertubuhan Peladang Kawasan Tumpat.

"Selama seminggu di sana, saya diajar selok-belok mengenai penternakan ayam. Saya juga menerima geran berjumlah RM20,000 menerusi Program Agropreneur Muda yang digunakan untuk membina reban," katanya.



Sumber Media : MY METRO

Tarikh : 19 / 7 / 2020

Capaian : <https://www.hmetro.com.my/xpresi/2020/07/601405/jaguh-ayam-kampung-organik>

## Modenkan sektor agromakanan sebagai jaminan keselamatan makanan



KUALA LUMPUR - Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) melakukan beberapa perancangan dari sudut sumber manusia, teknologi dan automasi bagi memodenkan sektor agromakanan untuk mencapai jaminan keselamatan makanan menjelang 2050.

Menteri Pertanian dan Industri Makanan ialah Datuk Seri Dr Ronald Kiandee berkata, modul dan model pembelajaran pertanian pintar yang dirangka ditambahkan bagi menyediakan golongan belia tani masa depan melalui Latihan Flagship Program Agropreneur Muda.

Sumber Media : SINAR HARIAN

Tarikh : 3 / 8 / 2020

Capaian : <https://www.sinarharian.com.my/article/95008/BERITA/Nasional/Modenkan-sektor-agromakanan-sebagai-jaminan-keselamatan-makanan>

## Lebih RM100 juta diluluskan untuk Agropreneur Muda

TANJUNG MALIM - Kerajaan melalui Kementerian Pertanian dan Industri Makanan telah meluluskan peruntukan lebih RM100 juta bagi program Agropreneur Muda sejak ia diperkenalkan pada tahun 2016.

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Seri Ahmad Hamzah berkata, bantuan itu membabitkan 6,063 usahawan muda seluruh negara dengan jumlah keseluruhan RM108.29 juta dalam bentuk geran dan pembiayaan merangkumi sektor makanan RM42.07 juta, perikanan (RM10.62 juta), ternakan (RM26.13 juta) dan industri makanan (RM29.47 juta).

"Tahun ini kementerian telah diperuntukkan sebanyak RM20 juta dengan sasaran membangunkan seramai 1,200 agropreneur muda.



Sumber Media : SINAR HARIAN

Tarikh : 8 / 8 / 2020

Capaian : <https://www.sinarharian.com.my/article/95675/BERITA/Nasional/Lebih-RM100-juta-diluluskan-untuk-Agropreneur-Muda>

## MAFI anjur kursus pemasaran dalam talian



KOTA KINABALU: Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) akan memperluas penganjuran kursus pemasaran dalam talian kepada agropreneur muda di seluruh negara, bagi membantu golongan itu memasarkan produk pertanian dan agro makanan

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan II Datuk Che Abdullah Mat Nawi berkata seramai 50 usahawan muda di Sabah menjadi kumpulan pertama menjalani kursus berkenaan, hari ini.

“Penjualan melalui dalam talian ini membantu usahawan muda memasarkan produk secara lebih meluas dan terbuka tanpa melalui orang tengah, dan ini adalah peluang serta perkembangan cukup baik untuk memasarkan produk secara terus kepada pengguna..

Sumber Media : HAKAHADAILY

Tarikh : 16 / 8 / 2020

Capaian : <https://harakahdaily.net/index.php/2020/08/16/mafi-anjur-kursus-pemasaran-dalam-talian/>

## MAFI perluas kursus pemasaran online kepada agropreneur

KEMENTERIAN Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) akan memperluaskan penganjuran kursus pemasaran dalam talian kepada agropreneur muda diseluruh negara bagi membantu golongan berkenaan memasarkan produk pertanian dan agro makanan.

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan II, Datuk Che Abdullah Mat Nawawi berkata, seramai 50 usahawan muda Sabah menjadi kumpulan pertama menjalani kursus itu semalam.

“Penjualan dalam talian ini membantu usahawan muda memasarkan produk secaralebih meluas dan terbuka tanpa melalui orang tengah dan ini adalah peluang serta perkembangan cukup baik.”



**Sumber Media** : SINAR HARIAN  
**Tarikh** : 17 / 8 / 2020  
**Capaian** : <https://www.sinarharian.com.my/article/96985/BISNES/MAFI-perluas-kursus-pemasaran-online-kepada-agropreneur>

## Program Agropreneur Muda terima bantuan geran RM104.35 juta

GOPENG, 24 Ogos - Kira-kira 6,000 Agropreneur Muda menerima bantuan geran berjumlah RM104.35 juta.

Program yang mula dilaksanakan pada 2016 itu, melibatkan bantuan dalam bentuk barangan bernilai hingga RM20,000.

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Che Abdullah Mat Nawawi berkata, program itu sebagai galakan kepada golongan muda untuk terus membangunkan industri makanan negara.

Beliau menyatakannya pada program Jelajah Agropreneur Muda Perak di RTC Gopeng.



**Sumber Media** : BERITA RTM  
**Tarikh** : 24 / 8 / 2020  
**Capaian** : <https://berita.rtm.gov.my/index.php/nasional/21194-program-agropreneur-muda-terima-bantuan-geran-rm104-35-juta>

## Seramai 1,127 agropreneur muda terima bantuan geran RM21.27 juta

KAMPAR: Seramai 1,127 agropreneur muda menerima bantuan geran berjumlah RM21.27 juta menerusi Geran Agropreneur Muda (GAM) sejak 2016, kata Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan II Datuk Che Abdullah Mat Nawi.

Beliau berkata daripada jumlah tersebut, sebanyak RM7.63 juta diperuntukkan untuk sektor tanaman melibatkan seramai 380 peserta manakala sektor perikanan (61 peserta) dengan peruntukan sebanyak RM1.2 juta.

Katanya bagi sektor penternakan melibatkan seramai 459 peserta dengan menerima bantuan geran berjumlah RM9.24 juta manakala 227 orang lagi menerima bantuan geran bernilai RM3.18 juta untuk bidang pemprosesan makanan.



Sumber Media : UTUSAN BORNEO

Tarikh : 24 / 8 / 2020

Capaian : [https://www.utusanborneo.com .my/2020/08/24/seramai-1127-agropreneur-muda-terima-bantuan-geran-rm2127-juta](https://www.utusanborneo.com.my/2020/08/24/seramai-1127-agropreneur-muda-terima-bantuan-geran-rm2127-juta)

## RM7.23mil in grants to 505 young Sabah agropreneurs



KOTA KINABALU: Some 505 young agropreneurs in Sabah have received grants amounting to RM7.23 million via the Young Agropreneur Grant (GAM) between Jan 1, 2016 until May 31 this year, says Deputy Minister II of Agriculture and Food Industries Datuk Che Abdullah Mat Nawi.

He said the government, through the Agriculture and Food Industries, is willing to help young people venture into agriculture under the Young Agropreneur Programme by providing grants, financing and technical training.

Sumber Media : DAILY EXPRESS

Tarikh : 24 / 8 / 2020

Capaian : <https://www.dailyexpress.com.my/news/157134/rm7-23mil-in-grants-to-505-young-sabah-agropreneurs/>



## Application for Young Agropreneur Grant open year round now

BELURAN: The Agriculture and Agro-based Industry has now opened the application for Young Agropreneur Grant throughout the year instead of selected months before this to encourage more young people to continue developing the national food industry.

Previously, those applying for the grant could only do so in January, May and September, said its minister Datuk Seri Dr Ronald Kiandee.

“Since 2016, about 6,005 young agropreneurs have received grants in the form of RM20,000 worth of goods amounting to a total allocation of RM104.35 million.



**Sumber Media** : BORNEO POST ONLINE  
**Tarikh** : 24 / 8 / 2020  
**Capaian** : <https://www.theborneopost.com/2020/06/14/application-for-young-agropreneur-grant-open-year-round-now/>

## Galakan ceburi sektor 3D



GOPENG - Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) menyediakan pelbagai inisiatif untuk menggalakkan golongan muda menceburi sektor agromakanan negara.

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan II, Datuk Che Abdullah Mat Nawi berkata, program Agropreneur Muda merupakan satu inisiatif kementerian di bawah Rancangan Malaysia Kesebelas (RMK-11) bagi membantu mereka yang mahu terlibat dalam tanaman, ternakan, perikanan, industri makanan dan agro pelancongan.

**Sumber Media** : SINAR HARIAN  
**Tarikh** : 25 / 8 / 2020  
**Capaian** : <https://www.sinarharian.com.my/article/98147/BERITA/Nasional/Galakan-ceburi-sektor-3D>

## Make it easier for youths to succeed in agriculture sector

Encouraging young people to venture into agriculture is important as it presents a huge opportunity to reduce youth unemployment – 58.2 per cent of the total in 2019 – improve their livelihoods.

Most importantly, the sector can be the catalyst to reduce the country's dependency on foreign labour and boost our food security as well as export which will then contribute significantly to our GDP growth.

Presently, the Ministry of Agriculture Development and Food Industry has opened the Young Agropreneur programme application, aiming to help and encourage youth involvement in the agricultural sector, which covers all areas in the value chain such as crops, livestock,



**Sumber Media** : NEW STRAITS TIMES  
**Tarikh** : 1 / 9 / 2020  
**Capaian** : <https://www.nst.com.my/opinion/letters/2020/09/621070/make-it-easier-youths-succeed-agriculture-sector>

## Kerajaan lulus RM7.79j geran agropreneur di sabah



TAWAU: Kerajaan sudah meluluskan Geran Agropreneur Muda (GAM) anjuran Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani bernilai RM7.79 juta di seluruh Sabah, tahun ini.

Timbalan Pengerusi Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) Datuk Isnin Aslianah berkata, ia membabitkan 534 orang belia dalam pelbagai bidang berkaitan.

“Daripada jumlah itu 27 peratus atau 145 peserta dalam industri makanan, 46 orang untuk industri ternakan, 34 orang bidang perikanan manakala 309 lagi terbabit dalam industri tanaman,” katanya kepada media selepas merasmikan Program Kembara Agropreneur Muda Sabah 2020 @Tawau, di sini, hari ini.

**Sumber Media** : BORNEO TODAY  
**Tarikh** : 4 / 9 / 2020  
**Capaian** : <https://www.borneotoday.net/kerajaan-lulus-rm7-79j-geran-agropreneur-di-sabah/>

## RM3 juta baik pulih 200 rumah nelayan di Beluran

BELURAN - Ronald Kiandee berkata, antara program yang membawa manfaat positif kepada rakyat ialah Program Agropreneur Muda yang memperuntukkan RM20 juta bagi membangunkan 1,200 agropreneur muda di seluruh negara, tahun ini.

"Hingga bulan lalu, seramai 582 pemohon telah diluluskan bawah Geran Agropreneur Muda dengan nilai geran RM10.68 juta, dan 344 orang lagi akan menerima geran itu daripada kementerian membabitkan sebanyak RM6.67 juta," katanya.



**Sumber Media** : SINAR HARIAN  
**Tarikh** : 6 / 9 / 2020  
**Capaian** : <https://www.sinarharian.com.my/article/99951/EDISI/Sabah-Sarawak/RM3-juta-baik-pulih-200-rumah-nelayan-di-Beluran>

## 50 belia Tuaran sertai Kursus Pemasaran Online Agropreneur Muda



TUARAN - Seramai 50 peserta belia dari kawasan Tuaran telah menyertai Kursus Pemasaran Online Agropreneur Muda.

Pengarah Unit Agropreneur Muda Kementerian Pertanian dan Industri Makanan Muhammad Ezri Shamsuddin berkata, objektif kursus berkenaan adalah bagi melatih agropreneur muda membangunkan medium pemasaran dan strategi pemasaran secara online atau atas talian.

"Agropreneur muda ini akan didedahkan tentang strategi pemasaran, pemasaran secara online melalui media sosial serta Dropshipper." "Saya ingin menyeru kepada semua belia di Sabah dan Malaysia untuk mengambil peluang untuk menyertai kursus yang diwujudkan ini," katanya ketika ditemui selepas menyempurnakan Program Kembara Agropreneur Muda Sabah 2020 ke Tuaran di sini, semalam.

**Sumber Media** : UTUSAN BORNEO ONLINE  
**Tarikh** : 8 / 9 / 2020  
**Capaian** : <https://www.utusanborneo.com.my/2020/09/08/50-belia-tuaran-sertai-kursus-pemasaran-online-agropreneur-muda>

## MAFI lulus 582 permohonan Geran Agropreneur Muda bernilai RM10.68 juta

BELURAN: Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) telah meluluskan 582 permohonan di bawah Geran Agropreneur Muda dengan nilai sebanyak RM10.68 juta, bagi tempoh setakat Ogos ini.

Menterinya Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee berkata, permohonan itu adalah sebahagian daripada sasaran kementerian yang mahu membangunkan seramai 1,200 agropreneur muda pada tahun ini dengan peruntukan disediakan sebanyak RM20 juta.

Katanya, bagi Program Agropreneur Muda Fasa 2/2020, seramai 344 orang akan menerima Geran Agropreneur Muda daripada kementerian yang keseluruhannya bernilai RM6.67 juta.



**Sumber Media** : UTUSAN BORNEO ONLINE  
**Tarikh** : 8 / 9 / 2020  
**Capaian** : <https://www.utusanborneo.com.my/2020/09/08/mafi-lulus-582-permohonan-geran-agropreneur-muda-bernilai-rm1068-juta>

## Kerajaan sedia bantu, galak usahawan muda ternak arnab

PERMAISURI: Kementerian Pertanian dan Industri Makanan akan terus memberi galakan kepada usahawan muda untuk memperhebat penternakan arnab daging di negara ini.

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan II, Datuk Che Abdullah Mat Nawawi, berkata industri itu mempunyai potensi besar walaupun ia bukan komoditi utama negara.

Setakat ini di Terengganu, MAFI telah membantu tiga penternak berpotensi melalui Skim Agropreneur Muda dengan menyediakan bantuan sokongan berbentuk kelengkapan penternakan, infrastruktur dan makanan ternakan berjumlah RM60,000.



**Sumber Media** : BH ONLINE  
**Tarikh** : 1 / 11 / 2020  
**Capaian** : <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2020/11/748598/kerajaan-sedia-bantu-galak-usahawan-muda-ternak-arnab>

## Bidang ternakan arnab meningkat

TAPAH - Bidang penternakan arnab pedaging meningkat dengan mendadak apabila Perak mencatatkan seramai 95 penternak berbanding 62 orang tahun lalu.

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan II, Datuk Che Abdullah Mat Nawi berkata, populasi arnab turut meningkat tiga kali ganda apabila mencecah 15,000 ekor dalam tempoh sama.

Menurutnya, perkembangan positif itu hasil inisiatif kementerian yang menggalakkan penglibatan usahawan muda menerusi bantuan Geran Agropreneur Muda.



**Sumber Media** : SINAR HARIAN  
**Tarikh** : 8 / 11 / 2020  
**Capaian** : <https://www.sinarharian.com.my/article/109088/BISNES/Bidang-ternakan-arnab-meningkat>

## Hanya 15 peratus golongan muda dalam bidang pertanian



LIPIS: Hanya kira-kira 15 peratus atau 240,000 golongan muda dikenal pasti terlibat dalam bidang pertanian berbanding lebih sejuta petani berdaftar di seluruh negara.

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan 1, Datuk Seri Ahmad Hamzah berkata, sehubungan itu pihak kerajaan akan terus menggiatkan usaha meningkatkan penglibatan golongan muda dari semasa ke semasa.

“Penglibatan golongan muda yang kurang dalam bidang pertanian ini adalah kerana golongan ini beranggapan sektor pertanian tidak memberikan pulangan yang lumayan seperti sektor lain.

**Sumber Media** : UTUSAN MALAYSIA  
**Tarikh** : 19 / 12 / 2020  
**Capaian** : <https://www.utusan.com.my/berita/2020/12/hanya-15-peratus-golongan-muda-dalam-bidang-pertanian/>

## Pelakon tidak kekok ternak kerbau

LIPIS – Potensi yang ada dalam industri pertanian dan penternakan mendorong seorang pelakon, Mohd. Amerul Affendi Mohd. Mawardi, 35, melibatkan diri dalam penternakan kerbau.

Mohd. Amerul Affendi yang membintangi banyak filem seperti Paskal, Bunohan dan Polis Evo berkata, industri penternakan amat berpotensi dan dia tidak kekok untuk melibatkan diri menternak kerbau.

“Saya memang budak kampung dan dari kecil lagi biasa dengan haiwan ternakan kerana datuk saya memelihara lembu, jadi tidak timbul soal kekok dan saya lihat penternakan punyai potensi yang besar.



Sumber Media : KOSMO  
Tarikh : 19/ 12 / 2020  
Capaian : <https://www.kosmo.com.my/2020/12/19/pelakon-tidak-kekok-ternak-kerbau/>

## Pelakon turut ceburi penternakan di bawah Program Agropreneur Muda



RAUB - [DIKEMASKINI] Pelakon filem Polis Evo, Amirul Affendi Mohd Mawardi, 35, antara 77 penerima Geran Agropreneur Muda di bawah Program Jelajah Agropreneur Siri Ke-9, Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI).

Beliau dipilih menerima geran tersebut di atas kejayaannya sebagai penternak muda yang kini memelihara 28 ekor kerbau di Temerloh dekat sini.

Amirul Affendi mewakili 10 agropreneur muda yang lain menerima geran berjumlah RM195,000 berbentuk bantuan perbelanjaan peralatan penternakan, infrastruktur dan lain-lain sekitar RM19,500 seorang.

Sumber Media : SINAR HARIAN  
Tarikh : 19 / 12 / 2020  
Capaian : <https://www.sinarharian.com.my/article/115493/BERITA/Nasional/Pelakon-turut-ceburi-penternakan-di-bawah-Program-Agropreneur-Muda>

## MAFI sasar tingkat jumlah petani muda

LIPIS - Bilangan petani muda di negara ini hanya kira-kira 15 peratus daripada keseluruhan yang terlibat dalam sektor pertanian.

Justeru, Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) menasaskan lebih ramai golongan itu menyertai sektor pertanian melalui Program Agropreneur Muda.

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan 1, Datuk Seri Ahmad Hamzah berkata, kementerian menasaskan 1,000 permohonan di bawah program itu.



**Sumber Media** : SINAR HARIAN  
**Tarikh** : 20 / 12 / 2020  
**Capaian** : <https://www.sinarharian.com.my/article/115579/EDISI/MAFI-sasar-tingkat-jumlah-petani-muda>

## Pahang perkasa sektor pertanian negeri



LIPIS - Langkah Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) mewujudkan Unit Agropreneur Muda adalah tindakan tepat supaya lebih ramai golongan muda menjadikan sektor pertanian sebagai kerjaya.

Menteri Besar Pahang, Datuk Seri Wan Rosdy Wan Ismail berkata, ketika ini negara kekurangan pelapis dalam kalangan generasi muda untuk memperhebat serta meneruskan kerancangan sektor pertanian negara termasuk di Pahang.

Menurutnya, sektor pertanian ketika ini banyak diusahakan mereka yang berusia menyebabkan sektor itu kurang produktif serta agak ketinggalan berbanding beberapa negara lain.

**Sumber Media** : SINAR HARIAN  
**Tarikh** : 20 / 12 / 2020  
**Capaian** : <https://www.sinarharian.com.my/article/115572/EDISI/Pahang-perkasa-sektor-pertanian-negeri>

## Alex gigih realisasi misi bergelar jutawan nanas

KUALA SELANGOR - Alex berkata, beliau bersyukur segala urusannya dipermudahkan dan turut terpilih sebagai penerima Geran Agropreneur Muda 2020 Fasa 1 di bawah Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani untuk golongan belia bawah 40 tahun.

"Kerajaan sememangnya memberikan bantuan dan sokongan sewajarnya untuk menggalakkan anak muda terbabit dalam pertanian jadi mereka tidak seharusnya melepaskan peluang ini kerana bidang pertanian sudah moden dengan penggunaan teknologi terkini," katanya.

Kini, Alex dalam proses menanam jagung manis di tanah berkeluasan 2.4 hektar yang boleh dituai dalam tempoh 65 hari supaya kutipan hasil itu mampu menyokong kos penanaman nanas MD2.



**Sumber Media** : SINAR HARIAN  
**Tarikh** : 22 / 11 / 2020  
**Capaian** : <https://www.sinarharian.com.my/article/115820/BISNES/Alex-gigih-realisation-misi-bergelar-jutawan-nanas>

## MAFI perkasakan agropreneur muda



PONTIAN - Inisiatif Kementerian Pertanian dan Industri Asas Makanan (MAFI) menggalakkan penglibatan golongan muda dalam bidang pertanian menerusi Geran Agropreneur Muda (GAM) semakin menampakkan hasil.

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Seri Ahmad Hamzah berkata, sambutan yang diberikan terhadap program agropreneur muda cukup baik dan dibuktikan melalui kejayaan golongan itu dalam bidang ternakan kambing tenusu, penanaman cendawan, nanas MD2 dan sebagainya.

"Saya cukup teruja melihat kejayaan anak-anak muda dari Pontian menternak kambing tenusu dan menghasilkan produk susu kambing yang cukup membanggakan.

**Sumber Media** : SINAR HARIAN  
**Tarikh** : 27 / 12 / 2020  
**Capaian** : <https://www.sinarharian.com.my/article/116419/BERITA/Nasional/MAFI-perkasakan-agropreneur-muda>



## Geran perkasa pengeluaran nanas

INDUSTRI pengeluaran nanas negara akan terus dipergiat dan diperkasakan dengan menarik lebih ramai agropreneur muda untuk terbabit dalam tanaman komoditi itu yang dikategorikan sebagai sumber kekayaan baharu negara.

Timbalan Ketua Pengarah Pembangunan Lembaga Perindustrian Nanas Malaysia (LPNM), Mohd Khairuzamri M Salleh berkata, misi menggandakan hasil pengeluaran nanas negara mampu dicapai dengan pembabitan lebih ramai golongan muda bukan sahaja untuk menampung permintaan dari luar negara malah di peringkat domestik.



**Sumber Media** : SINAR HARIAN

**Tarikh** : 28 / 12 / 2020

**Capaian** : <https://www.hmetro.com.my/bisnes/2020/12/657650/geran-perkasa-pengeluaran-nanas>



“Saya sedar bahawa sektor pertanian memberi pulangan yang memberangsangkan. Oleh itu, saya turut menggalakkan usahawan muda menceburi bidang pertanian. Bantuan yang disalurkan melalui Unit Agropreneur Muda dan pembiayaan menerusi Agropreneur Muda mampu meningkatkan penghasilan tanaman, sekali gus memberi pulangan yang lumayan.”

*Ramana K. Naidu, 30, Penanam Jagung Bijian, Kuala Muda, 16 Mac 2020*



“Sememangnya bukan mudah untuk berubah daripada kaedah tradisional kepada penggunaan digital. Namun kini, teknologi pertanian pintar ini mampu direalisasikan di mana-mana pun selagi mana terdapatnya capaian internet. Menerusi penggunaan IoT, golongan agropreneur muda boleh menggunakan konsep pertanian pintar dalam tanaman fertigasi melibatkan aspek penjagaan, siraman air, membaja dan meracun.”

*Norhashim Kamisan, 37, Penanam Cili, Kuala Langat, 1 Disember 2020*



“Mulai bulan Jun 2020, program ini dibuka sepanjang tahun dan tanpa tarikh tutup. Kita harap agar pendekatan baharu ini akan merangsang lebih ramai anak muda untuk memohon dan menyertai program agropreneur muda yang dikendalikan MAFI”

*YB Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee,  
Menteri Pertanian dan Industri Makanan,  
13 Jun 2020, Beluran.*

“Penglibatan golongan muda yang berusia 18 hingga 40 tahun dalam sektor pertanian dapat memastikan industri makanan negara terus membangun dan mampu menjana pendapatan terutama ketika negara berdepan pandemik koronavirus (Covid-19).”

*YB Datuk Seri Haji Ahmad bin Hamzah,  
Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan I,  
29 Jun 2020, Jasin*



“Tak mudah bagi kerajaan untuk membangunkan sektor ini dengan hanya penglibatan daripada golongan tua. Kita bukan sahaja mahu menarik minat anak muda tetapi juga golongan siswazah untuk menceburi bidang pertanian. Ini kerana pelbagai perubahan seperti mekanisasi, automasi dan Revolusi Industri 4.0 (IR4.0) akan mudah dilakukan dengan penglibatan golongan cerdik pandai ini”

*YB Dato' Che Abdullah bin Mat Nawi,  
Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan II,  
15 Jun 2020, Tumpat*